MAKLUMAT TAMBAHAN

- **Permohonan KM tidak lagi perlu dirujuk kepada JBPM.**
- **Bagi permohonan PB, JBPM telah mengagihkan peranan menyemak kepada JBPM Zon/Daerah, JBPM Negeri dan Ibu Pejabat JBPM mengikut kepada kategori cadangan pemajuan. Pihak pemohon hendaklah mengesahkan sendiri kategori pemajuan yang akan dilaksanakan serta peringkat JBPM yang akan melakukan semakan. Pengkategorian ini boleh dilaksanakan dengan merujuk dan melengkapkan Jadual Kategori Pemprosesan di bawah *template* JBPM dan diserta sebagai salah satu senarai semak unit OSC.**
- **Pemohon digalakkan mendapatkan bantuan JBPM yang berdekatan dalam menentukan kategori pemajuan dan pejabat yang menyemak.**
- **Pihak OSC hanya akan berurusan dengan JBPM yang dilantik seterusnya bertanggungjawab mengedarkan permohonan kepada JBPM Negeri atau Ibu Pejabat.**

Carta Aliran Pemprosesan Perakuan Pelan Bangunan
Di Peringkat Ibu Pejabat / Negeri / Zon/Daerah



Kategori Pemprosesan Pelan Teknikal dan Pengeluaran Surat Pelepasan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Malaysia

1. Kategori Pemprosesan

1.1. Kategori pemprosesan dikuatkuasa melalui Perintah Tetap Pencegah Dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007 : Perlaksanaan Kaedah Pusat Setempat (One Stop Center) dan Pengeluaran Perakuan Siap Dan Pematuhan (Certificate of Completion & Compliance) Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Malaysia yang berkuatkuasa mulai 18 Februari 2008.

1.2. Perincian sebagaimana Jadual di bawah:-

	PERINGKAT PEMPROSESAN		
	Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Malaysia (A)	Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Negeri (B)	Pejabat Zon / Daerah Bomba Dan Penyelamat, (C)
KATEGORI PROJEK DIPROSES	A(i). Sesuatu projek atau cadangan pembangunan yang diklasifikasi sebagai projek mega oleh Kerajaan Malaysia. A(ii). Sesuatu projek yang di dalamnya, atau direkabentuk mempunyai 3 kriteria berikut:- ▪ Keluasan binaan keseluruhan sesuatu premis (projek) itu 1 (satu) juta meter persegi atau lebih.; ▪ Ketinggian sesuatu premis (projek) itu 150 meter atau lebih.; ▪ Projek tersebut merupakan pembangunan bercampur (mixed development) dan mesti terdapat sekurang-kurangnya 3 jenis penggunaan yang berbeza (3 kumpulan maksud). A(iii). Projek yang melibatkan pemprosesan bahan-bahan bahaya.	B(i). Semua projek selain daripada di bawah kuasa Ibu Pejabat JBPM B(ii). Mana-mana projek yang ditentukan secara khusus oleh Jabatan B(iii). Mana-mana projek yang tiada kemampuan dilaksanakan di peringkat zon atau daerah.	C(i). Semua projek yang dikategori di bawah Jadual Kelima, Kumpulan Maksud 1, UKBS, 1984. C(ii). Rumah pangsa yang mempunyai ketinggian 5 tingkat dan kurang. C(iii). Pejabat atau rumah kedai 4 tingkat dan kurang serta tidak mempunyai sistem pepasangan tetap. C(iv). Kilang satu tingkat yang keluasan lantai tidak melebihi 750 meter persegi. C(v). Tempat perhimpunan yang tidak mempunyai sistem pemasangan tetap. C(vi). Mana-mana projek yang tidak disyaratkan mempunyai sistem pemasangan tetap.

1.3. Pemprosesan Di Peringkat Ibu Pejabat / Negeri / Zon / Daerah.

Pada masa kini, pemprosesan di peringkat Ibu Pejabat , Negeri, Zon/ Daerah dilaksanakan seperti berikut:-

BIL	IBU PEJABAT MALAYSIA JBPM	IBU PEJABAT JBPM NEGERI	ZON	
1.	IBU PEJABAT JBPM PUTRAJAYA	PERLIS		
2.				
3.		KEDAH	ALOR SETAR	4
4.			SG. PETANI	
5.			KULIM	
6.			LANGKAWI	
7.		PULAU PINANG	JALAN PERAK	4
8.			BAYAN LEPAS	
9.			BUTTERWORTH	
10.			PERAI	
11.		PERAK	IPOH	4
12.			TAIPING	
13.			MANJUNG	
14.			TAPAH	
15.		SELANGOR	SHAH ALAM	7
16.			PETALING JAYA	
17.			HULU LANGAT	
18.			KLANG	
19.			SABAK BERNAM	
20.			RAWANG	
21.			KLIA	
22.		WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR		
23.		NEGERI SEMBILAN	SEREMBAN	3
24.			PORT DICKSON	
25.			JEMPOL	
26.		MELAKA	AIR KEROH	2
27.			ALOR GAJAH	
28.		JOHOR	JOHOR BAHARU	4
29.			KOTA TINGGI	
30.			MUAR	
31.			KLUANG	
32.		PAHANG	KUANTAN	3
33.			TEMERLOH	
34.			LIPIS	
35.		TERENGGANU	KUALA TERENGGANU	2
36.			KERTEH	
37.		KELANTAN	KOTA BHARU	2
38.			MACHANG	
39.		SARAWAK	KUCHING	
40.			SAMARAHAN	

BIL	IBU PEJABAT MALAYSIA JBPM	IBU PEJABAT JBPM NEGERI	ZON	
41.			SRI AMAN	7
42.			BINTULU	
43.			MIRI	
44.			LIMBANG	
45.			SIBU	
46.		SABAH	KOTA KINABALU	6
47.			KUDAT	
48.			BEAUFORT	
49.			TAWAU	
50.			KENINGAU	
51.			SANDAKAN	
52.		WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN		

2. Cadangan Pengagihan Permohonan Di Peringkat OSC

Berikutan kepada kewujudan peringkat-peringkat pemprosesan, dijangkakan akan berlaku masalah untuk pengagihan pelan di peringkat OSC. Dicadangkan kaedah-kaedah berikut untuk mengatasi masalah ini:-

2.1. Memasukkan nombor rujukan jabatan teknikal

2.1.1. Bagi pelan yang dikemukakan semula samada pindaan atau pelan terbina (as built plan), dimasukkan no rujukan jabatan teknikal. Memandangkan no. Rujukan adalah khusus mengikut peringkat pemprosesan, ianya membolehkan pihak OSC menghantar terus ke peringkat sewajarnya.

2.2. Semakan kepada Kehendak-kehendak Kelengkapan Menentang Kebakaran atau Pepasangan Keselamatan Kebakaran

2.2.1. Mulai tahun 1994, JBPM telah mensyaratkan pihak profesional menentukan sendiri keperluan pepasangan keselamatan yang perlu diadakan bagi cadangan pemajuan yang dikemukakan. Senarai keperluan yang seragam telah dikeluarkan oleh pihak JBPM. Melalui senarai cadangan pepasangan ini, pihak OSC boleh menentukan peringkat pemprosesan samada di peringkat Ibu Pejabat, negeri atau Zon/daerah.

2.2.2. Jika cadangan pemajuan menyatakan keperluan pepasangan keselamatan tetap disyaratkan, cadangan perlu dikemukakan terus ke peringkat negeri.

2.2.3. Senarai kehendak-kehendak yang seragam disertakan sebagai rujukan.

2.3. Penentuan oleh Pejabat Zon/ Negeri

2.3.1. Jika berlaku kesilapan penghantaran, menjadi tanggungjawab JBPM menguruskan penghantaran. Pihak OSC akan dimaklumkan melalui kiriman Kad Akuan Terima.

3. Carta Aliran Proses

3.1. Carta aliran proses di peringkat ibu pejabat, negeri dan zon/daerah disertakan sebagai rujukan.

4. Tempoh Masa Pemprosesan

4.1. Berikutan kepada kerencaman rekabentuk, dicadangkan tempoh masa pemprosesan adalah 14 hari bekerja untuk semua peringkat ibu pejabat / negeri serta zon / daerah.

Lampiran

PENENTUAN KATEGORI

i) Arahan Kepada Pemohon
Sila Tandakan (Bulatkan) Kategori Pemohonan Yang Dikemukakan.

Ibu Pejabat JBPM	Ibu Pejabat JBPM Negeri	Pejabat Zon / BBP Daerah
A	B	C
A(i)	B(i)	C(i)
A(ii)	B(ii)	C(ii)
A(iii)	B(iii)	C(iii)
		C(iv)
		C(v)
		C(vi)

* Pemohon Boleh Berurusan Dengan JBPM Terdekat Untuk Mengesahkan Kategori Projek

Prosedur Kelulusan Pelan Bangunan - Carta Aliran Proses Peringkat Ibu Pejabat / Negeri / Zon / Daerah



Lampiran 3

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
SENARAI SEMAK PERMOHONAN PELAN BANGUNAN

BIL	JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH OSC			ADA/TIADA	CATATAN
	Bil	**Dokumen**	**Bilangan Dokumen**		
	i	Lampiran Penentuan Kategori Yang Ditandakan			
	ii	Surat Permohonan Rasmi			
	iii	Pelan Susunatur	2		
	iv	Pelan Lantai	2		
	v	Pelan Keratan Rentas	2		
	vi	Pelan Pandangan Sisi	2		
	vii	Tajuk Cadangan Pemajuan Dengan Tepat			
	viii	Skala Pelan Hendaklah 1:100 atau 1:200 (Skala Lain Dengan Kebenaran).			
	ix	Perakuan Tanggungjawab, Tandatangan Dan Cop Rasmi 'Orang Yang Berkelayakan' Di Setiap helaian pelan.			

BIL	JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH OSC			ADA/TIADA	CATATAN
	x	Mencatitkan Kehendak-Kehendak Kelengkapan Menentang Kebakaran Atau Perpasangan Keselamatan Kebakaran Di Muka Hadapan Setiap Perenggan Pelan.			

SENARAI SEMAK TERPERINCI PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN PELAN ARKITEKTURAL

BIL	DOKUMEN	SEMAKAN KAUNTER	
		Ada	T/B
1.	Surat permohonan rasmi.		
2.	Pelan arkitektural lengkap (2 perenggu lengkap).		
3.	Penyataan tajuk cadangan pemajuan dengan jelas/betul.		
4.	Pengiraan beban pendudukan dan muatan pintu keluar mengikut UKBS,1984.		
5.	Skala pelan hendaklah **1:100** atau **1:200** (skala lain dengan kebenaran).		
6.	Pengiraan isipadu bangunan bagi penentuan akses perkakas bomba.		
7.	Menunjukkan dan mengadakan Akses Perkakas Bomba mengikut UKBS, 1984 (diwarnakan kuning).		
8.	Mencatitkan kedudukan pili bomba dengan jarak tidak lebih daripada 91.5 m (antara satu pili bomba dengan yang lain) dan diwarnakan merah.		
9.	Mengemukakan pengiraan hitungan had yang dibenarkan bagi kawasan tak terlindung (Jadual Keenam, UKBS, 1984).		
10	Pelan arkitektural perubahan, tambahan struktur diwarnakan merah.		
11	Pelan arkitektural perubahan, struktur diruntuhkan diwarnakan biru.		
12	Perakuan tanggungjawab, tandatangan dan cop rasmi **'orang yang berkelayakan'** di setiap helaian pelan arkitektural.		
13	Mencatitkan Kehendak-kehendak Kelengkapan Menentang Kebakaran atau Pepasangan Keselamatan Kebakaran di muka hadapan setiap perenggu pelan		
14	Letakan pepapasangan keselamatan kebakaran **aktif** dan **pasif** mengikut UKBS, 1984 hendaklah diwarnakan merah.		

Nota : Tanda √ pada ruang berkaitan.
Potong mana –mana keperluan yang tidak berkaitan
T/B – Tidak Berkenaan

Tandatangan :

Nama Pemohon : .....

Nama Syarikat : .....

Alamat Surat-Menyurat : .....

.....

.....

No. Telefon : .....

SEMAKAN JBPM – DITERIMA / TOLAK*

ULASAN :   Cop JBPM
PEGAWAI PENERIMA :
TARIKH :

* Potong yang tidak berkaitan

Cadangan Kehendak-kehendak Kelengkapan Menentang Kebakaran atau Pepasangan Keselamatan Kebakaran

Pelan Tapak

1. Adakan ___buah pili bomba jenis tiang dua hala dengan pengeluaran air sebanyak 1135 liter seminit bagi setiap pili bomba sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.

2. Adakan jalan masuk perkakas bomba (access road) dengan kelebaran tidak kurang 6 meter yang boleh menanggung beban 25 tan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.

Kehendak-kehendak Am

1. Semua pendawaian elektrik bagi sistem kecemasan hendaklah dipasang di dalam konduit logam atau daripada kabel yang mempunyai penebat mineral tahan api. Pemasangan hendaklah sepanjang kawasan yang paling kurang risiko kebakarannya dan mematuhi uuk 253, UKBS,1984.

2. Penggunaan siling bangunan hendaklah mematuhi Jadual Kelapan, UKBS, 984.

3. Semua tangga keselamatan hendaklah dikepong dengan tembok batu-bata setebal 115mm sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.

4. Adakan pintu rintangan api satu jam sepertimana yang ditandakan di dalam pelan. Pemasangannya hendaklah tertutup sendiri, tertutup rapat dan bukaannya hendaklah menghala ke dalam ruangan tangga.

5. Adakan lampu tanda 'KELUAR' kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan. Lampu-lampu tersebut hendaklah dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

6. Adakan lampu kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan. Lampu-lampu tersebut hendaklah dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

7. Adakan dinding pemetakan (compartment wall) setebal 112mm / 225mm batu-bata yang dibina sehingga paras bawah bumbung/lantai sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.

8. Dinding bagi bilik setor yang disifatkan merbahaya hendaklah setebal 100mm batu-bata dan pintunya dari jenis rintangan api satu jam dipasang dengan *door closer.*

9. Adakan sistem pengudaraan bagi tangga keselamatan sama ada secara biasa atau mekanikal.

10. Saluran pendingin hawa hendaklah dipasang dengan sesekat api (fire damper) yang boleh digerakkan dengan kuasa 'fisible link' atau 'motorised' mengikut syarat-syarat penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

11. Adakan sistem penyembur air automatik mengikut peraturan LPC atau mana-mana peraturan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

12. Adakan sistem pancur basah/kering mengikut peruntukkan dalam UKBS,1984.

13. Adakan sistem saluran bantu mula (hose reel) mengikut syarat-syarat penentuan Tatatertib Amalan Piawaian British atau mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

14. Adakan sistem pengesan haba/asap mengikut syarat-syarat penentuan Tatatertib Amalan Piawaian British atau mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

15. Adakan sistem penggera kebakaran jenis pecah kaca mengikut syarat-syarat penentuan Tatatertib Amalan Piawaian British atau mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

16. Semua bilik bagi penempatan pam bomba dan janakuasa hendaklah dibina dari tembok batu-bata yang tahan rintangan api dua jam. Pintu-pintunya hendaklah dari rintangan api satu jam.

17. Adakan pemasangan tetap gas CO_2 mengikut syarat-syarat penentuan NFPA atau mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sepertimana yang ditandakan di dalam pelan bagi bilik-bilik berikut:-

a. Bilik alat ubah (transfomer)
b. Bilik suis bervoltan tinggi (Patuhi mana yang berkaitan)
c. Bilik janakuasa
d. Bilik elektrik TNB

Semua pintu-pintu yang menghala ke dalam bangunan hendaklah dari jenis rintangan api dua jam.

18. Semua 'Kitchen Hood' hendaklah dilindungi dengan sistem pemasangan tetap CO_2 mengikut syarat-syarat penentuan NFPA atau mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

19. Penggunaan gas petroleum cecair (LPG) secara 'bulk storage' hendaklah mematuhi syarat-syarat penentuan MS 830 dan MS 930. Sila kemukakan pelan yang lengkap ke jabatan ini.

20. Adakan sistem komunikasi bomba (telefon bomba). Sistem komunikasinya hendaklah tiga hala dan penempatannya di dalam tangga keselamatan/lobi menentang kebakaran, bilik motor lif, bilik pam bomba dan bilik janakuasa.

21. Adakan sistem siaraya (public address system) bagi bangunan ini dan pemasangannya hendaklah menepati kehendak-kehendak Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

22. Adakan sebuah pusat pemerintahan dan kawalan kebakaran di lantai tetuan (designated floor) yang dilengkapi dengan peti penggera kebakaran.

23. Adakan lif bomba sepertimana yang ditandakan di dalam pelan mengikut syarat-syarat penentuan Piawaian British 2655:Bahagian 1: Lampiran E.

24. Ruang lobi lif hendaklah dibina dari bahan yang boleh menahan rintangan api dua jam dan hendaklah dilindungi dengan alat pengesan asap mengikut UKBS, 1984.

25. Bagi bangunan yang melebihi 30 meter, semua tangga yang dicadang untuk digunakan sebagai jalan keluar hendaklah dilanjutkan ke paras bumbung untuk memberi akses kepadanya.

26. Semua lubang perkhidmatan (service shaft) hendaklah ditutup pada setiap tingkat dengan bahan rintangan api dua jam.

27. Tangga 'central core' hendaklah diadakan sistem isitekan mengikut Piawaian Australia 1668: Bahagian 1: 1974 atau mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

28. Adakan alat pemadam api yang bersesuaian menurut MS 1539: Part 1: 2002 sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.

29. Ada suis pengasingan elektrik (electrical isolation switch) dan hendaklah tidak menjejaskan lampu kecemasan apabila ia ditutup.

30. Adakan sistem 'smoke spill air' mengikut syarat-syarat penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

31. Adakan sistem 'smoke extractor' pada basement dan 'lower ground floor' mengikut Piawaian Australia 1668: Bahagian 1: 1974 atau mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

32. Ruang buka dalam dinding luar yang terletak menegak di atas satu sama lain hendaklah dilindungi dengan pengadang api yang dibenarkan sama ada dilanjutkan 750mm melebih dinding luar atau pada satah lantai itu atau panel tegak yang tingginya tidak kurang 900mm.

33. Penggunaan kaca-kaca pada dinding luar bangunan hendaklah dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

34. Bagi bangunan yang rekabentuknya melebih 18.5 meter hingga ke lantai penuh yang tertinggi sekali, sesalur-sesalur naik mengikut uuk 232, UKBS, 1984 hendaklah dipasang sebaik sahaja selepas bangunan itu melebihi tinggi tersebut untuk

mengadakan kemudahan-kemudahan mencegah kebakaran dalam masa berbagai peringkat pembinaan itu.

35. Semua papan tanda keselamatan kebakaran hendaklah mematuhi MS 982, 1985.

36. Adakan 'Graphic Design of Floor Plan' berlatar belakang warna putih yang menunjukkan tangga keselamatan, laluan-laluan keselamatan, jalan-jalan keluar dan kedudukan alat-alat pencegah kebakaran. Penempatannya hendaklah di tempat yang mudah dilihat.

37. Sila kemukakan tiga (3) set Buku Operasi Bomba mengikut syarat-syarat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

38. Pelan lukisan dan pengiraan bagi semua pemasangan tetap hendaklah dikemukakan ke Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia. Jumlah pelan-pelan yang dikemukakan hendaklah tidak kurang dua perenggu.

39. Bagi setiap premis atau bangunan besar yang melebih 30.5 meter tinggi hendaklah dilengkapkan dengan sistem talian terus (Computerised Monitoring System) ke Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia. Rujuk uuk 228 dan uuk 238, UKBS, 1984.

40. Adakan 'break point' pada dinding luar bangunan untuk tujuan memudahkan anggota bomba menjalankan kerja-kerja operasi.

Peringatan

1. Segala syarat-syarat yang dikemukakan adalah tertakluk kepada rekabentuk dan kegunaan bangunan tersebut. Sekiranya terdapat sebarang perubahan yang dilakukan ke atas rekabentuk atau kegunaannya seperti yang dicatatkan di atas pelan, maka hendaklah dirujuk ke Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia untuk dikaji semula.

2. Segala pemilihan bahan dan penggunaannya yang berkaitan dengan keselamatan kebakaran bagi projek cadangan serta sistem pencegahan kebakaran hendaklah mematuhi UKBS, 1984 dan peraturan-peraturan yang diterima sahaja yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.
3. Pemilik bangunan/pihak pengurusan penyelenggaraan bangunan hendaklah memastikan semua peralatan system pencegah kebakaran sentiasa berada dalam keadaan selamat, baik dan boleh digunakan setiap masa.

4. Pengesahan pelan ini adalah tidak tertakluk kepada penyimpanan, penggunaan, pemerosesan dan penghasilan bahan berbahaya atau kimia berbahaya. Sekiranya terdapat sebarang penyimpanan, penggunaan, pemerosesan dan penghasilan bahan berbahaya atau kimia berbahaya setelah pelan disahkan maka pelan bangunan tersebut hendaklah dirujuk kembali ke jabatan ini untuk dikaji semula.

Petunjuk:

Bolt dan Italic = Keperluan bagi pepasangan keselamatan tetap.